

PSB - Bahagian Arkib

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Thursday, 19 December, 2019 9:38 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Maybank Bantu Tingkatkan Aspirasi UUM Jadi Universiti Pilihan Dan Berdaya Saing



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

19 DISEMBER 2019 / 22 RABIULAKHIR 1441H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah

Gambar oleh: Akmal Ahlami Md Rozai

MAYBANK BANTU TINGKATKAN ASPIRASI UUM JADI UNIVERSITI PILIHAN DAN BERDAYA SAING



UUM ONLINE: Kuala Lumpur - Termeterainya Memorandum Persefahaman (MoU) antara Universiti Utara Malaysia (UUM) dan Malayan Banking Berhad (Maybank) diharapkan akan membantu UUM dalam meningkatkan aspirasi untuk menjadi universiti pilihan dan berdaya saing di peringkat tempatan dan antarabangsa.

UUM yang diwakili Naib Canselor, Prof. Dato' Dr. Ahmad Bashawir Abdul Ghani, manakala Maybank diwakili Ketua Pegawai Modal Insan Kumpulan Maybank, Nora Abd Manaf telah menandatangani memorandum tersebut dengan disaksikan Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan Strategik), Kementerian Pendidikan Malaysia, Dato' Kamel Mohamad di Menara Maybank, kelmarin.

Naib Canselor berkata, Maybank terkenal di peringkat antarabangsa kerana kecemerlangan perniagaan dan komitmen yang tinggi untuk mewujudkan jaringan antarabangsa yang lebih kuat.

“Dengan statusnya sebagai kumpulan perbankan Malaysia yang terkemuka, Maybank adalah pilihan yang ideal untuk membantu meningkatkan aspirasi UUM menjadi universiti pilihan pelajar dari seluruh dunia yang ingin melanjutkan pengajian.

“Maybank sentiasa menyokong UUM dengan mengadakan pelbagai program terutama sekali setelah pelantikan Puan Nora sebagai CEO@Faculty bagi pihak UUM sebelum ini dan juga telah dilantik sebagai Profesor Adjung Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan (SBM), selain menjadi Ahli Majlis Penasihat Universiti-Industri, UUM (MPUI-UUM).

“Sehubungan itu, pemeteraian MoU ini dilihat akan membantu memperkasakan perkongsian strategik yang kukuh antara kedua pihak,” katanya pada Majlis Menandatangani MoU Antara UUM dan Maybank.

Sementara itu, Nora berkata, Maybank bersedia untuk membantu UUM untuk menjadi universiti pilihan dalam menghasilkan pemimpin masa hadapan serta membangunkan sumber manusia yang berdaya saing.

Menurutnya, kolaborasi ini dilihat sangat penting dalam memastikan kemampunan sumber manusia terutamanya dalam sektor perbankan dan sehingga kini, pelbagai kerjasama telah dijalankan antara Maybank dan UUM dalam pelbagai bidang.

Selain itu, katanya, pihaknya juga sentiasa membuka ruang dan peluang kepada pelajar serta staf UUM yang ingin menjalani latihan industri termasuk program *Maybank Go Ahead Challenge* (MGAC) serta berkongsi amalan terbaik organisasi.

“Maybank bersedia untuk melatih pelajar UUM yang ingin menjana pendapatan tambahan melalui pelbagai platform yang sedia ada dan inisiatif ini dilihat sebagai menyokong usaha UUM melalui program *On-Job Campus* dan peningkatan kemahiran keusahawanan,” katanya.

UUM dan Maybank telah menjalin kerjasama dalam pelbagai aktiviti seperti ‘Cabaran Pitching’, siri perkongsian pengetahuan, *Maybank Young Bankers Internship Programme* (MYBIP) dan penglibatan dua pensyarah UUM dalam CEO@Faculty di Maybank.



 Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.